



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

17 MAC 2022 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

17 MAC 2022 (KHAMIS)



Pengguna dinasihat
berhati-hati dalam sebar
maklumat terutama isu
berkaitan halal kerana
boleh mendatangkan
kegusaran orang ramai

Oleh **TUAN BUQHAI RAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA



ALEXANDER

Tiada DNA babi dalam sotong *ring* sejuk beku

Sampel gegelang sotong (sotong *ring*) sejuk beku disahkan tidak mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia disahkan oleh keputusan daripada Jabatan Kimia Malaysia.

"Pihak KPDNHEP ingin menasihati pengguna agar berhati-hati di dalam menyebarkan maklumat terutama di media sosial termasuklah isu berkaitan halal kerana ia boleh mendatangkan kegusaran kepada orang ramai," katanya pada Rabu.

Minggu lalu, tular di media sosial satu tangkap layar mengenai dakwaan gegelang sotong sejuk beku yang mengandungi rektum babi ditemui di sebuah premis di Perlis.

Ia menimbulkan pelbagai reaksi terutama rakyat beragama Islam sekali gus menggesa kerajaan melakukan siasatan terhadap dakwaan tersebut.

Alexander berkata, pihaknya telah menjalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas beberapa premis di peringkat peruncit, pemborong, pengedar dan pengimport produk terbabit di sekitar Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor dan Johor Bahru.

"Hasil pemeriksaan dan siasatan yang dijalankan, beberapa produk ditemukan dan KPDNHEP telah mengambil tindakan dengan menyita kesemua produk terbabit bersama beberapa dokumen perniagaan lain untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, sampel-sampel daripada produk terbabit telah dihantar kepada Jabatan Kimia Malaysia untuk tujuan mengenal pasti sama ada produk



Sampel gegelang sotong sejuk beku disahkan tidak mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

terbabit mengandungi DNA babi atau sebaliknya.

"Susulan itu, melalui keputusan yang diterima, Jabatan

Kimia Malaysia telah mengesahkan bahawa tiada DNA babi di-
kesan di dalam sampel terbabit,"
jelas beliau.

Tiada DNA babi dalam sotong ring

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan tiada asid deoksiribonukleik (DNA) babi dikesan dalam sampel gegelang sotong (sotong ring) sejuk beku yang tular baru-baru ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai isu sotong ring sejuk beku yang didakwa mengandungi rektum babi.

Sehubungan itu, ujarinya, Bahagian Penguat Kuasa KP-DNHEP telah menjalankan pemeriksaan dan siasatan ke atas beberapa premis di peringkat peruncit, pemborong, pengedar dan pengimpor produk terbabit di sekitar Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor serta Johor Bahru.

"Hasil pemeriksaan dan

sihasatan yang dijalankan, beberapa produk ditemui dan KP-DNHEP telah mengambil tindakan dengan menyita kesemua produk terbabit bersama beberapa dokumen perniagaan lain untuk siasatan lanjut.

"Sampel-sampel daripada produk terbabit telah dihantar kepada Jabatan Kimia untuk tujuan mengenal pasti sama ada produk terbabit mengandungi DNA babi atau sebaliknya," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Alexander memberitahu, keputusan yang diterima daripada Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa tiada DNA babi dikesan dalam sampel terbabit.

Baru-baru ini, isu tersebut tular apabila satu tangkap layar dimuat naik pengguna mendakwa, sotong ring yang ditemuinya di sebuah premis di Perlis mengandungi rektum babi.



KPDNHEP mengesahkan tiada DNA babi dikesan dalam sampel gegelang sotong ring sejuk beku yang tular baru-baru ini.

Lulu Group lancar Bazar Ramadan 2022, potongan sehingga 50 peratus

SHAH ALAM - Lulu Group Retail Sdn Bhd (Lulu) melalui Pasar Raya Lulu dan gedung serbanekanya menganjurkan Bazar Ramadan bermula dari 14 Mac hingga 4 Mei 2022 di Setia City Mall.

Lulu yang merupakan rangkaian pasar raya besar diasaskan oleh MA Yousuf Ali dalam satu kenyataan berkata, pihaknya juga akan mengadakan promosi dengan potongan sehingga 50 peratus sepanjang bazar tersebut berlangsung.

Jelasnya, potongan tersebut diberikan terhadap barangan elektrik, elektronik, barangan kelengkapan rumah, bagasi dan kasut.

"Pelanggan bakal mendapatkan barangan seperti televisyen, mesin basuh, peti sejuk, alat dapur serta barangan kelengkapan rumah pada harga terbaik berbanding pesaing kami.

"Antara jenama-jenama yang turut serta ialah Samsung, Sony, Philips, LG, Harman Kardon, Beko, Teka, Salpido, Cliptec, Tefal, Pensonic, Elba, Luminarc, Homewell dan banyak lagi.

"Inilah saat yang anda nanti-nantikan untuk persiapan hari raya anda di mana anda boleh berjimat sakan," kata kenyataan itu pada Rabu.

Bazar Ramadan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Mengulas lanjut, selain potongan harga di bazar tersebut turut diadakan

promosi mingguan yang digelar 'Weekend Flash' bermula dari 8 hingga 11 April 2022 ke atas barangan terpilih.

"Dapatkan segala keperluan berbuka puasa anda di sini dengan pelbagai pilihan meluas barangan bermutu tinggi, sayur-sayuran dan buah-buahan yang segar, daging serta makanan laut dan pelbagai lagi," ujarnya.

Sementara itu, di bahagian Department Store pula pelanggan berpeluang mendapatkan barangan elektrik, elektronik, IT dan telefon bimbit pada harga yang menakjubkan melalui promosi 'Power Deals'.

Tambahnya, selain Bazar Ramadan, Lulu turut menyediakan pelbagai promosi yang sedang berlangsung seperti pembelian pelanggan bernilai RM50 dari bahagian pasar raya bakal menikmati bawcar potongan bernilai RM25.

"Pelanggan boleh menebus bawcar pemotongan itu dengan pembelian bernilai RM100 dari bahagian gedung serbaneka dan tawaran tersebut sah sehingga 20 Mac 2022," ujarnya.

Pada masa sama, Lulu juga telah memulakan e-dagang melalui luluhypermarket.com di mana pelanggan boleh membeli-belah secara dalam talian.

"Lulu Hypermarket mempunyai empat cawangan ketika ini dan merancang untuk membuka lebih banyak kedai menjelang akhir tahun 2022," katanya.



Rosol (tengah) semasa melawat gerai jualan di Pasar Raya Lulu.



Rosol (kiri) ketika menerima cenderahati semasa pelanjaran Bazar Ramadan 2022